



GARIS PANDUAN ENTITI KECEMERLANGAN UiTM

PINDAAN 2019

GE GARIS PANDUAN ENTITI KECEMERLANGAN (EK)

1.0 KRITERIA ENTITI KECEMERLANGAN

EK TIER 5 – Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)

- i. Pemohon / Ketua EK adalah **WAJIB** membuat pembentangan di Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti dan/atau Jawatankuasa Penyelidikan UiTM Negeri berkenaan permohonan penubuhan EK. Sokongan penubuhan EK berbentuk surat rasmi keputusan mesyuarat atau minit mesyuarat seterusnya dilampirkan bersama Borang Permohonan Penubuhan EK.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) dan maksima lapan (8) orang Ahli Tetap termasuk ahli dari fakulti lain, digalakkan dari gugusan yang berbeza.
- iii. Ketua EK Tier 5 mesti sedang/pernah (dalam tempoh 3 tahun ke belakang) menjadi PI geran luar (minimum RM 20,000 S&T dan RM 5,000 SS) dan berdaftar di IRMI.
- iv. Kumpulan penyelidik mempunyai minat yang sama dan masih mempelajari atau pada tahap mempertingkatkan kepakaran dalam satu bidang penyelidikan serta aktif menghadiri seminar, konferensi dan lain-lain aktiviti akademik.
- v. Kumpulan Penyelidik mesti aktif menyelia pelajar pascasiswa secara penyelidikan.
- vi. Kumpulan Penyelidik hendaklah mempunyai rekod geran terkumpul RM 100,000 bagi S&T dan RM 50,000 bagi SS (dalam tempoh 3 tahun ke belakang, hanya geran yang diketuai oleh ahli EK Tier 5 diambil kira).
- vii. Pelantikan sebagai Ahli Tetap EK Tier 5 adalah dihadkan kepada dua (2) EK sahaja iaitu satu (1) dari fakulti sendiri dan satu (1) dari fakulti/bidang lain. Penyelidik hanya boleh menjadi Ketua kepada satu (1) EK sahaja. Staf akademik yang tidak menjadi Ahli Tetap bagi mana-mana EK Tier 4 dan 5 adalah digalakkan untuk menjadi Ahli Bersekutu untuk tujuan kelestarian.
- viii. Keahlian penyelidik kampus cawangan dalam EK Tier 5 UiTM Selangor adalah digalakkan.
- ix. EK Tier 5 cawangan perlu melibatkan penyelidik UiTM Selangor untuk diiktiraf sebagai Entiti Kecemerlangan UiTM.

GE GARIS PANDUAN ENTITI KECEMERLANGAN (EK)

1.0 KRITERIA ENTITI KECEMERLANGAN

EK TIER 5 – Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)

- i. Pemohon / Ketua EK adalah **WAJIB** membuat pembentangan di Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti dan/atau Jawatankuasa Penyelidikan UiTM Negeri berkenaan permohonan penubuhan EK. Sokongan penubuhan EK berbentuk surat rasmi keputusan mesyuarat atau minit mesyuarat seterusnya dilampirkan bersama Borang Permohonan Penubuhan EK.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) dan maksima lapan (8) orang Ahli Tetap termasuk ahli dari fakulti lain, digalakkan dari gugusan yang berbeza.
- iii. Ketua EK Tier 5 mesti sedang/pernah (dalam tempoh 3 tahun ke belakang) menjadi PI geran luar (minimum RM 20,000 S&T dan RM 5,000 SS) dan berdaftar di IRMI.
- iv. Kumpulan penyelidik mempunyai minat yang sama dan masih mempelajari atau pada tahap mempertingkatkan kepakaran dalam satu bidang penyelidikan serta aktif menghadiri seminar, konferensi dan lain-lain aktiviti akademik.
- v. Kumpulan Penyelidik mesti aktif menyelia pelajar pascasiswa secara penyelidikan.
- vi. Kumpulan Penyelidik hendaklah mempunyai rekod geran terkumpul RM 100,000 bagi S&T dan RM 50,000 bagi SS (dalam tempoh 3 tahun ke belakang, hanya geran yang diketuai oleh ahli EK Tier 5 diambil kira).
- vii. Pelantikan sebagai Ahli Tetap EK Tier 5 adalah dihadkan kepada dua (2) EK sahaja iaitu satu (1) dari fakulti sendiri dan satu (1) dari fakulti/bidang lain. Penyelidik hanya boleh menjadi Ketua kepada satu (1) EK sahaja. Staf akademik yang tidak menjadi Ahli Tetap bagi mana-mana EK Tier 4 dan 5 adalah digalakkan untuk menjadi Ahli Bersekutu untuk tujuan kelestarian.

- viii. Keahlian penyelidik kampus cawangan dalam EK Tier 5 UiTM Selangor adalah digalakkan.
- ix. EK Tier 5 cawangan perlu melibatkan penyelidik UiTM Selangor untuk diiktiraf sebagai Entiti Kecemerlangan UiTM.
- x. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.
- xi. Proses pendaftaran, kelulusan dan pemantauan EK Tier 5 adalah di bawah CoRe. Fungsi CoRe adalah untuk memudahkan cara pembangunan penyelidikan EK Tier 5.

EK TIER 4 – Pusat Penyelidikan (RC)

- i. Penubuhan EK Tier 4 adalah tertakluk kepada pengesyoran oleh Jawatankuasa Kecil Entiti Kecemerlangan (JKEK), sokongan oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK), pengesahan oleh Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) dan seterusnya kelulusan oleh Senat.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) dan maksima lapan (8) orang ahli termasuk ahli dari fakulti lain.
- iii. Pelantikan sebagai Ahli Tetap EK Tier 4 adalah dihadkan kepada dua (2) EK sahaja iaitu satu (1) dari fakulti sendiri dan satu (1) dari fakulti/bidang lain. Penyelidik hanya boleh menjadi Ketua kepada satu (1) EK sahaja. Staf akademik yang tidak menjadi Ahli Tetap bagi mana-mana EK Tier 4 dan 5 adalah digalakkan untuk menjadi Ahli Bersekutu untuk tujuan kelestarian.
- iv. Kumpulan Penyelidik mesti aktif menyelia pelajar pascasiswazah secara penyelidikan.
- v. Mendapat peratus minima 55% berdasarkan Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) yang digunakan dengan kenaikan 3% setiap tahun dinilai berbanding tahun sebelumnya.
- vi. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

EK TIER 3 – Pusat Kecemerlangan (CoE)

- i. EK Tier 3 berfungsi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) terletak di bawah naungan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
- ii. Penubuhan EK Tier 3 adalah tertakluk kepada pengesyoran oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) dan sokongan oleh Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU). Seterusnya, kelulusan penubuhan EK Tier 3 oleh Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- iii. EK Tier 3 mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) orang bilangan staf akademik sebagai Ahli Tetap. Staf akademik/penyelidik yang dilantik menjadi Ahli Tetap atau Ahli Bersekutu di EK Tier 3 adalah dengan persetujuan Dekan/ Rektor.
- iv. Mempunyai potensi untuk menjadi sebuah pusat rujukan universiti, negara, serantau dan sejagat. EK Tier 3 hendaklah berusaha meningkatkan prestasi untuk mencapai tahap EK Tier 2 (HICoE).
- v. Mempunyai Ahli Tetap, Ahli Bersekutu dan pakar di kalangan ahli akademik, profesor pelawat, penyelidik pasca kedoktoran, wakil industri dan / atau penyelidik.
- vi. Mempunyai Ahli Tetap dan Ahli Bersekutu yang menunjukkan rekod prestasi yang baik, komposisi kumpulan penyelidik yang kukuh dan kohort generasi yang berbeza bagi menyediakan kumpulan pelapis untuk kelestarian.
- vii. Mendapat peratus minima 65% berdasarkan Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) yang diguna pakai dengan kenaikan 3% setiap tahun dinilai berbanding tahun sebelumnya.
- viii. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

EK TIER 2 – Pusat Kecemerlangan Nasional (HICoE)

- i. Dimajukan kepada KPT oleh Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk kelulusan.
- ii. Pusat Kecemerlangan hendaklah telah ditubuhkan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan mempunyai rekod/bukti yang diperakukan oleh Universiti.
- iii. Pusat Kecemerlangan telah beroperasi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- iv. Pusat Kecemerlangan mempunyai bilangan Ahli Tetap sekurang-kurangnya:-
 - Teras Penyelidikan dan Inovasi – lima (5) orang staf akademik sepenuh masa.
 - Teras Perkhidmatan – empat (4) orang staf akademik sepenuh masa.
- v. Staf akademik/penyelidik yang dilantik menjadi Ahli Tetap atau Ahli Bersekutu di EK Tier 2 adalah dengan persetujuan Dekan/Rektor.
- vi. Entiti Kecemerlangan perlu mempunyai satu (1) bidang tujuan.
- vii. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPT dari masa ke semasa.

EK TIER 1 – Pusat Kecemerlangan Antarabangsa (WCoE)

- i. Pusat Kecemerlangan Antarabangsa adalah diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- ii. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPT dari masa ke semasa.

2.0 TATACARA PENUBUHAN DAN NAIK TARAF ENTITI KECEMERLANGAN

Carta alir penubuhan Entiti Kecemerlangan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Carta Alir Penubuhan Entiti Kecemerlangan

EK TIER 1 WCoE	EK TIER 2 HICoE	EK TIER 3 Pusat Kecemerlangan	EK TIER 4 Pusat Penyelidikan	EK TIER 5 RIG
Mencapai tahap HICoE yang diperakukuan oleh KPT selama 3 tahun ↓ Di isytiharkan sebagai WCoE oleh KPT selepas menepati syarat dan KPI yang ditetapkan	EK Tier 3 ditubuhkan >5 tahun & dipera-kukan oleh MEU dan LPU ↓ Mengisi borang cadangan penubuhan HICoE yang disediakan oleh KPT ↓ Permohonan dikemukakan ke KPT untuk pertimbangan dan kelulusan	Permohonan daripada EK Tier 4 yang matang atau penggabungan EK Tier 4 multidisiplinari. Pengesyoran CoRe IRMI ↓ Sokongan JEK & JKIPU ↓ Kelulusan MEU ↓ Kelulusan LPU	Permohonan daripada EK Tier 5. Pengesyoran CoRe IRMI ↓ Sokongan JEK & JKIPU ↓ Kelulusan Senat	Pembentangan dan Sokongan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti dan/atau Jawatankuasa Penyelidikan UiTM Negeri ↓ Berdaftar dengan CoRe IRMI ↓ Sokongan JEK & JKIPU ↓ Kelulusan Senat

3.0 PEMANTAUAN PRESTASI

Setiap EK perlu memenuhi sasaran prestasi yang telah ditetapkan seperti di Jadual 2 agar pencapaian selaras dengan kehendak KPT bagi melahirkan EK bertaraf antarabangsa. Sasaran prestasi ini akan menentukan kedudukan kategori EK tersebut.

3.1 Sasaran Prestasi EK Tier 1, 2 dan 3

- i. Penilaian prestasi bagi EK Tier 1, 2 dan 3 dilaksanakan sekali setahun dengan menggunakan Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) yang digunakan. Jadual 3 dan 4 menunjukkan kriteria penilaian dan markah pemberat bagi setiap teras. Geran Penyelidikan dan penerbitan yang diperoleh oleh Ahli Tetap dan Ahli Bersekutu yang diambil kira di dalam penilaian ini mestilah berkaitan dengan bidang tujuan EK tersebut.
- ii. Penanda aras prestasi bagi Ahli Tetap EK Tier 1, 2 dan 3 adalah seperti berikut:
 - Geran penyelidikan terkumpul – RM100,000/ahli/tahun (S&T) dan RM50,000/ahli/tahun (SS) dengan sekurang-kurangnya 80% sebagai ketua penyelidik (PI)
 - Penerbitan - 4 jurnal berindeks/ahli/tahun
 - Pasca siswazah - 2 orang pasca siswazah ahli/tahun
 - Perundingan & penjanaan pendapatan- RM100,000/EK/tahun

Jadual 2: Pengelasan dan Sasaran Prestasi Entiti Kecemerlangan

INDEKS PETUNJUK PRESTASI	EK TIER 1 WCoE	EK TIER 2 HICoE	EK TIER 3 Pusat Kecemerlangan	EK TIER 4 Pusat Penyelidikan	EK TIER 5 RIG
Tadbir urus (Governance)	Entiti Kecemerlangan (Berpusat Tanggung Jawab (BerPTJ) di bawah naungan TNC (P&I))			Entiti Kecemerlangan di bawah naungan fakulti-/cawangan, dipantau oleh Komuniti Penyelidikan (CoRe)	
Peratus minima (termasuk kenaikan 3% setiap tahun)	Penarafan oleh KPT	80%	65%	55%	<55%

Jadual 3: Kriteria Penilaian Borang Instrumen Penilaian HICoE
(Teras Perkhidmatan)

SEKSYEN SECTION	KRITERIA CRITERIA	PEMBERAT WEIGHTAGE
A	Maklumat Am (General Information)	-
B	Perkhidmatan (Services)	40
C	Hubungan Pemegang Taruh (Stakeholder Linkages)	10
D	Penyelidikan (Research)	30
E	Pengiktirafan & Impak (Recognition & Impact)	10
F	Sumber (Resources)	10
	JUMLAH (TOTAL)	100

Jadual 4: Kriteria Penilaian Borang Instrumen Penilaian HICoE
(Teras Penyelidikan dan Inovasi)

SEKSYEN SECTION	KRITERIA CRITERIA	PEMBERAT WEIGHTAGE
A	Maklumat Am (General Information)	-
B	Kuantiti dan Kualiti Penyelidik (Quantity and Quality of Researchers)	15
C	Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan (Quantity and Quality of Research)	35
D	Kuantiti dan Kualiti Pasca-siswazah (Quantity and Quality of Postgraduates)	10
E	Inovasi (Innovation)	15
F	Perkhidmatan Profesional dan Hadiah (Professional Services and Gifts)	10
G	Jaringan dan Hubungan (Networking and Linkages)	12
H	Sumber (Resources)	3
	JUMLAH (TOTAL)	100

3.2 Penilaian Prestasi Kendiri Dan Keserakanan (Pengauditan) EK Tier 1, 2 dan 3

Penilaian Prestasi Kendiri dan Keserakanan merupakan kaedah untuk mengukur prestasi dan mengenal pasti objektif, strategi, kelemahan dan kekuatan sesebuah EK.

- i. Aktiviti ini dapat menilai keberkesanan penggunaan sumber kewangan dan modal insan yang telah diperuntukkan oleh UiTM kepada EK.
- ii. Penilaian Prestasi Kendiri ini dapat digunakan berdasarkan markah instrumen untuk menilai pencapaian EK UiTM.
- iii. Pelaksanaan Penilaian Prestasi Kendiri ini tertumpu kepada EK Tier 3 yang telah ditubuhkan sekurang-kurangnya 3 tahun atau lebih pada tahun ianya dinilai dengan menyediakan laporan berdasarkan aktiviti dan pencapaian untuk tempoh tiga (3) tahun.
- iv. Penilaian Prestasi Keserakanan juga dijalankan selain daripada penilaian prestasi kendiri untuk memastikan hasilan penyelidikan/perkhidmatan tercapai dan dibuktikan dalam rekod.
- v. Instrumen yang digunakan di peringkat universiti perlu selaras sepertimana yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dari masa ke semasa.
- vi. Audit tapak dilaksanakan satu kali (1) setahun bagi EK Tier 1, 2 dan 3. Setiap EK perlu mengisi instrumen penilaian HiCoE yang ditetapkan oleh KPT dan mengemaskini semula aktiviti serta menyediakan bahan bukti untuk pengauditan.

3.3 Penilaian dan Pemantauan Prestasi EK Tier 4 dan 5

Tujuan penilaian dan pemantauan prestasi adalah untuk memantau perlaksanaan pelan strategi tahunan EK, bagi tujuan penambahbaikkan, naik taraf, penggabungan dan/atau pembubaran.

- i. Aktiviti pemantauan prestasi EK Tier 4 dan Tier 5 dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali dan mengikut keperluan.

- ii. Setiap EK perlu mengisi dan menghantar laporan pemantauan prestasi mengikut kriteria atau instrumen yang ditetapkan dan mengemaskini semua aktiviti serta menyediakan bahan bukti untuk pemantauan.
 - iii. Hasil pemantauan (markah dan cadangan penambahbaikan) akan dibentangkan di Jawatankuasa Kecil Entiti Kecemerlangan sebelum dimajukan kepada setiap EK.
 - iv. Pemarkahan hasil pemantauan boleh digunakan oleh setiap EK sebagai pengukur kendiri. Permohonan untuk naik taraf boleh dikemukakan oleh ketua jika sudah memenuhi syarat.
- 3.4 Naik taraf Entiti Kecemerlangan**
- i. Entiti Kecemerlangan yang berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan akan dinaiktaraf ke tahap yang lebih tinggi seperti dalam Jadual 2.
 - ii. Bagi EK yang dinaiktaraf ke Tier 3, 2 dan 1, staf akademik/penyelidik dilantik menjadi Ahli Tetap dan Ahli Bersekutu dengan persetujuan Dekan/Rektor.
 - iii. EK Tier 3 yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan boleh dilucutkan taraf PTJnya serta semua kemudahan yang diberikan.
 - iv. EK yang gagal mencapai sasaran prestasi boleh dituruntaraf ke tahap yang lebih sesuai dengan pencapaianya.
 - v. Bagi EK yang dituruntaraf, staf akademik/penyelidik hendaklah ditempatkan semula ke PTJ asalnya.
 - vi. Audit Tapak dilakukan bagi menilai permohonan naik taraf EK Tier 5 ke Tier 4. Penilaian dijalankan mengikut kriteria Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan). EK yang layak untuk dinaik taraf akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) untuk sokongan. Seterusnya dimajukan ke Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) untuk pengesoran dan kelulusan Senat.
 - vii. Audit Tapak dilakukan bagi menilai permohonan naik taraf EK Tier 4 ke Tier 3. Penilaian dijalankan mengikut kriteria Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan). Setiap EK yang layak perlu menyediakan Kertas Kerja yang mengandungi maklumat yang ditetapkan seperti Hala Tuju EK, bidang tujuan dan keahlian yang terlibat sebelum dibentangkan di Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) untuk sokongan. Kemudian kertas kerja tersebut dimajukan ke Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) untuk pengesoran. Seterusnya dibentangkan di Majlis Eksekutif Universiti (MEU) untuk kelulusan dan kemudiannya dimajukan ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan kelulusan.

4.0 PENGURUSAN ENTITI KECEMERLANGAN

4.1 PELANTIKAN PENGARAH/KETUA DAN AHLI

- i. Pelantikan pemimpin sama ada ahli atau ketua adalah mengikut Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Lantikan Pemimpin dan Ahli Entiti Kecemerlangan

TIER	TIER 1 WCoE	TIER 2 HICoE	TIER 3 PUSAT KECEMERLANGAN	TIER 4 PUSAT PENYELIDIKAN	TIER 5 RIG
Status	BerPTJ	BerPTJ	BerPTJ	Di bawah CoRe dan Fakulti UiTM Negeri	Di bawah CoRe dan Fakulti UiTM Negeri
Pemimpin	Pengarah	Pengarah	Pengarah	Ketua	Ketua
Lantikan Pemimpin oleh	Naib Canselor	Naib Canselor	Naib Canselor	Penolong Naib Canselor (P&I)	Penolong Naib Canselor (P&I)
Lantikan Ahli oleh	Naib Canselor	Naib Canselor	Naib Canselor	Penolong Naib Canselor (P&I)	Penolong Naib Canselor (P&I)

- ii. Pelantikan Ahli EK Tier 4 dan 5 adalah mengikut cadangan yang tertera dalam borang permohonan EK dan selepas disyorkan oleh JKEK untuk diluluskan oleh JKIPU. Pelantikan adalah selama dua (2) tahun.
- iii. Pelantikan Ahli Tetap melibatkan pertukaran Jabatan Semasa ke EK Tier 1, 2, atau 3 yang berkenaan sepanjang tempoh lantikan yang dipersetujui antara 3 hingga 5 tahun. Oleh itu pelantikan Ahli Tetap terhad kepada satu EK Tier 1, 2, atau 3 sahaja. Berdasarkan tindakan di EK Tier 1, 2, atau 3, Ahli Tetap diberi keutamaan untuk perkhidmatan dalam Trek Penyelidikan.
- iv. Pelantikan sebagai Ahli Bersekutu dibenarkan sehingga dua EK Tier 1, 2 dan/atau 3. Berdasarkan tindakan di EK Tier 1, 2, atau 3, Ahli Bersekutu diberi keutamaan untuk perkhidmatan dalam Trek Penyelidikan.
- v. Pengarah, Timbalan Pengarah, Ahli Tetap dan Ahli Bersekutu bagi EK Tier 1, 2 dan 3 adalah dilantik oleh Naib Canselor. Mana-mana lantikan selain daripada yang di atas adalah di bawah kuasa Pengarah EK masing-masing.

4.2 AMANAH TUGASAN PENSYARAH (ATP) KETUA DAN AHLI

- **Ahli Tetap**
 - i. Setiap Ahli Tetap diberi keutamaan untuk perkhidmatan dalam trek penyelidikan.
 - ii. Pengagihan jam Amanah Tugasan Pengajaran (ATP) adalah seperti yang diperincikan dalam Pekeliling Akademik Bil. 5/2017 dan Pekeling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil. 3/2017 tertakluk kepada pindaan semasa.
 - iii. Pengagihan tugas ATP di bawah K3 adalah diberikan oleh Pengarah EK masing-masing.
- **Ahli Bersekutu**
 - i. Setiap Ahli Bersekutu diberi keutamaan untuk perkhidmatan dalam trek penyelidikan.
 - ii. Pengagihan jam Amanah Tugasan Pengajaran (ATP) adalah seperti yang diperincikan dalam Pekeliling Akademik Bil. 5/2017 dan Pekeling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil. 3/2017 tertakluk kepada pindaan semasa.
 - iii. Pengagihan tugas ATP di bawah K3 adalah diberikan oleh Dekan/Rektor.

5.0 INSENTIF

- **Insentif untuk Entiti Kecemerlangan UiTM**
 - i. EK Tier 1, 2 dan 3 boleh melantik Felo Penyelidik, Profesor Pelawat, Penyelidik Pasca Kedoktoran serta calon bagi Program Saintis & Penyelidik Muda (PSPM). Pelantikan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Senat dan bahagian-bahagian berwajib.
 - ii. Staf akademik yang ditindikkan di Entiti Kecemerlangan akan dikenakan ATP pengajaran di fakulti berdasarkan Trek Penyelidikan tertakluk kepada ketetapan semasa.
 - iii. Diberi bajet operasi tahunan bagi prasarana yang diperlukan, geran penyelidikan dan peralatan.
 - iv. Pusat Kecemerlangan berPTJ layak menerima bajet operasi bergantung kepada prestasi tahunan serta perancangan pembangunan.
 - > 80% - RM 500,000
 - 75% - 79% - RM 400,000
 - 65% - 74% - RM300,000

- v. "Top-up grant" boleh diberikan kepada Entiti Kecemerlangan yang berjaya memperolehi geran antarabangsa dan swasta menurut perkiraan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) dan IRMI, tertakluk kepada kesediaan peruntukan.
- vi. Setiap Pelajar Pasca Siswazah yang berdaftar, penyelia boleh diberi insentif yang berbentuk "top-up grant". Penyelia juga boleh diberi insentif jika pelajar mereka bergraduat pada masa yang ditetapkan.
- vii. EK Tier 4 dan 5 yang berdaftar di bawah CoRe boleh memohon Geran REI (Research Entity Initiative).

6.0 PERALATAN DAN KEMUDAHAN MAKMAL

Peralatan Makmal Sepunya adalah peralatan bernilai lebih daripada RM 500,000 yang digunakan oleh kumpulan penyelidik dalam semua Entiti Kecemerlangan mengikut keperluan. Peralatan ini ditempatkan di makmal penyelidikan sepunya Fakulti/Entiti Kecemerlangan bagi membantu penyelidik mendapatkan perkhidmatan menganalisis data yang berkaitan dengan penyelidikan masing-masing di samping kemudahan peralatan sepunya.

- Maklumat peralatan dan instrumen sepunya perlu di pusat/didaftar dalam Sistem Maklumat Peralatan IRMI. Peralatan Makmal Sepunya diurus dan dipantau oleh IRMI dan dibantu oleh beberapa kakitangan teknikal. Peralatan yang dibeli oleh Fakulti dan Entiti Kecemerlangan di guna sama oleh penyelidik UiTM. Manakala pelanggan dari luar UiTM akan dikenakan caj. Perancangan dan hala tuju makmal penyelidikan perlu fokus bagi mendapat pengiktirafan makmal seperti GMP/GLP/ISO17025 daripada badan yang bertauliah.